



## **LEKSIKAL PADI DALAM LIRIK LAGU MELAYU KLASIK: SUATU ANALISIS SEMANTIK**

**Hazman Aiman Arif<sup>1</sup>, Julaina Nopiah<sup>1\*</sup>**

*<sup>1</sup>Kulliyyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

*\*e-mel: [julainanopiah@iium.edu.my](mailto:julainanopiah@iium.edu.my)*

---

### **ABSTRAK**

Penghasilan lirik lagu hasil daripada pemilihan leksikal memerlukan penelitian yang mendalam kerana kepuitan perlu ada dalam lirik lagu di samping menyampaikan makna lagu tersebut kepada pendengar. Kajian ini akan menghuraikan makna dan akal budi dalam bait-bait lirik lagu klasik yang popular iaitu, “Gurindam Jiwa” dan Pantun Budi”. Kajian ini mengaplikasikan analisis kualitatif, iaitu dengan mengaplikasikan pendekatan semantik inkuisitif yang diperkenalkan oleh Nor Hashimah (2014). Hasil kajian ini mendapati bahawa penggunaan kata-kata khusus dalam unsur perlambangan dilakukan dengan bijaksana oleh penulis. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan penggabungan data, teori, budaya dan falsafah dapat menginterpretasikan makna yang mendalam sehingga kecerdasan akal budi terserah melalui pemilihan leksikal dalam lirik lagu yang dihasilkan oleh penulis itu sendiri. Kajian mengenai makna tidak semestinya memfokus semantik dan kognitif semata-mata kerana ia bukan hanya objek yang hadir dalam akal fikiran namun juga merupakan ungkapan yang mempunyai kepuitan dalam pemilihan kata dan kreativiti yang sangat tinggi kerana berkait dengan ilmu yang jitu.

*Kata Kunci:* Lirik lagu Melayu klasik, akal budi, falsafah, semantik inkuisitif

## PENGENALAN

Manusia menggunakan bahasa yang kompleks untuk berkomunikasi, menyampaikan idea, emosi, dan maklumat. Menurut Vivi Hardianti (2019), bahasa ialah ekspresi pemikiran dan perasaan yang digunakan untuk berkomunikasi, berperanan penting dalam interaksi sosial, pembelajaran, dan pemahaman dunia. Bahasa hadir dalam bentuk lisan, tulisan, isyarat, dan bahasa tubuh, serta memiliki struktur seperti fonem, perkataan, dan kalimat. Kemampuan berbahasa mendorong perkembangan intelektual dan kognitif, serta memungkinkan penyampaian perasaan secara mendalam. Lili Suryaningsih (2021) menekankan pentingnya bahasa dalam sastera sebagai alat kreatif dan imaginatif. Zulieda Azni (2020), menyatakan bahawa lagu ialah susunan bunyi dengan irama dan harmoni yang berfungsi sebagai hiburan dan menyampaikan emosi. Nor Hashimah (2014) memperkenalkan Semantik Inkuisitif dalam bukunya "Semantik dan Akal Budi Melayu" untuk menganalisis makna tersirat dalam ungkapan peribahasa Melayu. Pendekatan ini mendalami makna menggunakan tafsiran budaya, falsafah, dan akal budi, melampaui pendekatan semantik sebelumnya seperti semantik skrip dan resonans.

Lagu ialah medium bagi pengkarya untuk menyampaikan idea, emosi, nasihat, dan pesan kepada pendengar. Menurut Neng Tika Harnia (2021), pencipta lagu menggunakan keindahan bahasa dan permainan kata untuk menambah daya tarikan dan makna dalam lirik mereka, terutama dalam lagu-lagu klasik yang mengandungi mesej tersembunyi. Lagu-lagu ini memerlukan tahap pemikiran tinggi untuk memahami makna leksikal yang dipilih, mencerminkan akal budi yang tinggi.

## PERNYATAAN MASALAH

Kualiti lagu bergantung pada bagaimana pendengar memahami pesan dalam lirik. Lirik berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan cerita atau pemikiran penulis dan mampu mempengaruhi emosi serta memberi manfaat kepada pendengar. Menurut Perindo Estrada (2023), lirik dapat menciptakan suasana tertentu dan menimbulkan interpretasi berdasarkan imaginasi pendengar.

Namun, banyak lirik lagu masa kini lebih berfokus pada populariti daripada mesej bermakna, berbeza dengan lagu Melayu klasik yang sukar difahami kerana perbedaan latar dan pemikiran. Meski begitu, beberapa komposer masih menghasilkan lirik berkualiti, seperti lagu rap "Pejamkan Mata" oleh Malique, membawa pesan rohani yang mendalam. Muzik rap sering kali dikritik, namun penulisan lirik dalam genre ini kadang-kadang mengandungi mesej penting. Kajian terdahulu banyak menumpukan pada analisis lirik rap dan leksikal peribahasa, sementara kajian tentang lagu Melayu klasik masih terbatas, mendorong kajian ini untuk menganalisis leksikal dalam lirik lagu klasik Melayu.

## TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan hasil penelitian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji mendapat bahawa terdapat banyak kajian yang telah dilakukan memfokuskan makna dalam penulisan lirik lagu. Walau bagaimanapun, pengkaji-pengkaji lepas banyak memfokuskan lagu-lagu moden seperti lirik lagu rap yang menjadi subjek utama dalam kajian mereka. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengelompokkan kajian yang memfokuskan penulisan lirik lagu dalam kajian mereka.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, pengkaji mendapat bahawa kajian lirik lagu sering memfokuskan lagu-lagu moden, seperti lagu rap, dan kurang memberi perhatian kepada kajian makna leksikal yang mendalam dalam lagu tradisional. Kajian pertama oleh Wong Shia Ho (2020) bertajuk “Gambaran Kemewahan Melalui Perlambangan Dalam Lirik Lagu Hokkien ‘Ji Pa Ban’” meneliti makna dan perlambangan dalam lirik lagu Hokkien menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif. Kajian ini mendapatlagu tersebut mengandungi simbol dan unsur alam yang melambangkan kekayaan, namun fokus utama pengkaji adalah pada perlambangan umum, bukan pada analisis mendalam leksikal tertentu.

Kajian kedua oleh Ayudia Helmi (2021) dalam “Metafora dalam Lirik Lagu ‘Mendarah’ oleh Nadin Amizah” membincangkan penggunaan metafora dalam lirik lagu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan semantik inkuisitif untuk mengkategorikan metafora eksplisit dan implisit dalam lirik. Pengkaji mendapat metafora dalam lagu tersebut menggambarkan hubungan yang erat, tetapi kajian ini hanya meneliti rangkap lagu, bukan makna leksikal secara terperinci. Kajian ketiga oleh Ahmad Wafi bin Yunus (2023) bertajuk “Penulisan Lirik Lagu Malique: Satu Analisis Retorik Moden” meneliti gaya bahasa retorik dalam lirik Malique. Kajian ini menggunakan analisis tekstual untuk meneroka teknik retorik moden dalam penulisan lirik. Pengkaji mendapat lirik Malique bertujuan mempengaruhi emosi pendengar dan mengingatkan mereka tentang perkara kecil yang memberi kebahagiaan dalam hidup. Walau bagaimanapun, kajian ini juga hanya memfokuskan pada makna umum dalam rangkap dan bait lagu tanpa mengkaji makna leksikal yang mendalam. Secara keseluruhan, kajian-kajian terdahulu lebih tertumpu pada perlambangan dan makna dalam rangkap lagu, tetapi kurang mendalami analisis makna leksikal secara terperinci.

## METODOLOGI


Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan analisis teks untuk mengkaji lirik-lirik lagu Melayu klasik. Pengkaji memilih pendekatan ini kerana fokus kajian adalah pada bahan bacaan seperti buku ilmiah dan sumber laman sesawang, yang relevan dengan topik leksikal 'Padi' dalam lirik lagu.

Instrumen kajian utama ialah pengkaji sendiri, yang bertindak mengumpul dan menganalisis data. Pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kepustakaan, yang melibatkan pencarian bahan dari sumber akademik dan digital, serta analisis teks terhadap dua lagu Melayu klasik, iaitu *Gurindam Jiwa* dan *Pantun Budi*. Analisis teks melibatkan pembacaan mendalam terhadap kandungan lirik untuk menafsirkan makna tersembunyi dan gaya bahasa.

Proses penganalisisan data dalam kajian ini adalah menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah (2014), yang merangkumi tiga tahap, iaitu semantik skrip, resonans, dan analisis mendalam untuk memahami makna tersirat dan falsafah di sebalik pemilihan leksikal. Metodologi ini membantu pengkaji meneliti makna dan akal budi penulis lirik dalam karya klasik Melayu, seterusnya mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan.

### Rajah 1

*Aliran proses Penganalisisan Data Menggunakan Pendekatan Semantik Inkuisitif oleh Nor Hashimah (2014).*



## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa masyarakat Melayu dahulu sangat arif dan peka terhadap alam sekeliling, seperti penggunaan padi sebagai rujukan perilaku manusia dalam penciptaan lirik lagu. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa setiap lirik lagu yang dihasilkan itu memiliki dua lapisan makna, iaitu makna harfiah dan makna kompleks yang diungkap sehingga menemukan akal budi dan falsafah Melayu di sebaliknya. Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat dua buah lagu Melayu Klasik yang popular dan mengandungi leksikal ‘Padi’, iaitu Gurindam Jiwa dan Pantun Budi.

### Data 1: Lirik Lagu Gurindam Jiwa

Tajuk Lagu	Bait-bait lirik.
Gurindam Jiwa	Tuai padi antara masak

### Analisis Tahap 1

Pada tahap semantik skrip, makna setiap kata dalam baris lirik lagu yang mengandungi leksikal ‘padi’ akan dilihat satu persatu. Makna harfiah bagi ayat ini akan dirujuk melalui makna kamus.

Perkataan	Maksud (KD4, 2005)
tuai	pisau pemotong padi, pengetam, ani-ani; bertuai (telah) dipotong dgn tuai: masih banyak lagi padi yg belum ~; menuai memotong padi dgn tuai, mengetam (padi)
padi	sejenis tumbuhan (rumput yg buahnya dijadikan beras)
antara	jarak atau sela di tengah dua tempat atau dua benda
masak	sudah tua dan boleh dimakan (buahbuahan dll), matang:

Dari sudut makna harfiahnya, frasa “tuai padi antara masak” dalam lirik lagu gurindam jiwa ini bermaksud merujuk kepada proses memungut hasil tanaman padi yang dilakukan ketika padi sudah hampir masak (antara masak), tetapi belum sepenuhnya masak. Dalam konteks pertanian, ini ialah waktu yang penting untuk memastikan hasil padi yang baik dan mengelakkan kerosakan akibat cuaca atau serangan serangga (Borges et.al, 2015).

## Analisis Tahap 2

Lagu ini pernah dipopularkan oleh Rafeah Buang dan R.Ismail dan dipetik daripada filem yang juga berjudul “Gurindam Jiwa” terbitan tahun 1966 lakonan Nordin Ahmad dan Latiffah Omar. Lirik lagu ini merupakan pantun empat kerat yang berbunyi:

Tuai **padi** antara masak,  
Esok jangan layu-layuan,  
Intai kami antara nampak,  
Esok jangan rindu-rinduan.

Lirik dalam lagu ini diinspirasikan daripada pantun empat kerat. Setiap baris lirik ini adalah saling berkait antara satu dengan lain. Dalam pantun, pembayang merujuk kepada dua baris pertama yang biasanya memberikan gambaran atau situasi yang tidak langsung berkaitan dengan tema utama. Dalam kes ini, baris pertama dan kedua berfungsi sebagai pembayang kepada tema yang lebih mendalam.

Baris pertama, “Tuai padi antara masak”, merujuk kepada aktiviti pertanian, khususnya proses memanen padi. Ini mencipta gambaran tentang hasil yang dinanti-nanti dan kepentingan mengambil kesempatan ketika keadaan baik. Ia memberikan konteks kepada tindakan yang perlu diambil, menunjukkan bahawa ada waktu yang tepat untuk bertindak. Baris kedua, “Esok jangan layu-layuan”, pula menyentuh tentang keceriaan dan kesegaran, mencipta suasana harapan agar sesuatu yang dijaga tetap hidup dan bertenaga. Ini menggambarkan keinginan untuk menjaga keadaan positif agar tidak menjadi pudar di masa depan.

Seterusnya, baris ketiga dan keempat mengandungi maksud pantun yang menjelaskan inti dari pembayang yang telah diberikan. Dalam lirik “Intai kami antara nampak”, mencerminkan kerinduan dan keinginan untuk perhatian daripada orang lain. Ia menunjukkan bahawa meskipun ada jarak atau batasan, perhatian tetap penting dalam hubungan. Kaitan dengan pembayang di sini adalah mengaitkan tema pertanian dengan hubungan, yang mana menjaga hubungan itu sama pentingnya seperti menjaga tanaman agar tidak layu. Akhirnya, baris keempat, iaitu ungkapan “Esok jangan rindu-rinduan”, pula menyampaikan harapan agar tidak ada perasaan kerinduan yang menyakitkan di masa depan, menekankan pentingnya kehadiran dan komunikasi dalam menjaga hubungan. Kaitan dengan pembayang memperkuat tema tentang pentingnya waktu dan keadaan, yang mana seandainya jika tidak dijaga, hubungan mungkin akan menjadi renggang, sama seperti tanaman yang tidak dituai pada waktunya.

Secara keseluruhan, pantun ini menggunakan pembayang yang berkaitan dengan pertanian untuk membangkitkan tema yang lebih mendalam tentang hubungan manusia. Ia menunjukkan bahawa sama seperti memanen padi pada waktu yang tepat, kita juga perlu menjaga hubungan agar tetap segar dan tidak hilang.

### **Analisis Tahap 3**

Pada tahap ketiga, tafsiran mendalam diperlukan untuk memahami simbolisme “padi” dalam lirik lagu Melayu seperti “Gurindam Jiwa”. Padi, yang menjadi tanaman penting dalam masyarakat Melayu dahulu, bukan hanya sumber makanan tetapi juga memberi manfaat tambahan melalui habitat ikan di sekitar sawah seperti ikan keli, ikan puyu, dan ikan gelama. Masyarakat Melayu mengamalkan kegiatan pertanian dan menangkap ikan sebagai sumber rezeki harian, hidup dengan prinsip “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”, iaitu mencari sumber makanan harian demi kelangsungan hidup.

Lirik “tuai padi antara masak” mengingatkan petani untuk menuai padi tepat pada waktunya, sebelum rosak akibat serangan burung atau tikus. Ia juga mengajarkan agar tidak bersikap tamak, kerana menunggu semua padi masak mungkin menyebabkan kerosakan lebih besar. Di sini, padi menjadi simbol pentingnya memanfaatkan waktu dan peluang. Petani yang bijak akan menuai padi yang telah mulai menguning untuk mengelakkan kerugian. Padi yang dituai dengan segera, sebelum sepenuhnya masak, melambangkan keputusan yang tepat dalam memanfaatkan kesempatan.

Selain itu, pemutuan padi atau penilaian kualiti padi juga penting dalam memastikan hasil padi yang berkualiti tinggi. Faktor-faktor seperti kadar air yang tinggi boleh menyebabkan kerosakan pada padi. Oleh itu, proses pemutuan yang teliti diperlukan untuk memastikan padi yang digunakan adalah yang terbaik. Ini termasuk memisahkan biji padi yang baik daripada yang kosong atau rosak, dan juga memastikan tiada bendasing yang tidak dapat diproses.

Dalam lirik lagu, padi menjadi metafora untuk masa dan kehidupan manusia. Leksikal “padi” menggambarkan ketepatan waktu, baik dalam konteks pertanian maupun kehidupan emosi (percintaan dan berkasih sayang). Hasil yang baik memerlukan dedikasi dan komitmen, bukan sekadar usaha yang setengah hati. Secara keseluruhan, lirik lagu ini mengajak kita untuk lebih serius dalam menjalani hubungan dan saling menjaga agar cinta yang dibina tetap utuh. Pesanan ini dilihat amat relevan dalam setiap hubungan, yang mana perhatian dan usaha bersama diperlukan untuk mencapai kebahagiaan bersama. Sama seperti petani yang perlu peka dengan waktu menuai padi, manusia juga harus bijak dalam mengawal masa dalam hubungan mereka. Lirik “tuai padi antara masak, esok jangan layu-layuan” menekankan, selain peri pentingnya

hubungan dalam kehidupan, ketepatan waktu juga sangat penting untuk mengelakkan penyesalan di kemudian hari. Pesanan ini sangat mendalam kerana menekankan pentingnya menghargai masa dan peluang, sama ada dalam pertanian atau hubungan sesama manusia.

### Data 2: Pantun Budi

Tajuk Lagu	Bait-bait lirik.
Pantun Budi	Bungalah padi bungalah padi bunga kiambang

### Analisis Tahap 1

Analisis dalam bahagian ini akan merungkai satu demi satu makna harfiah baris lirik yang mengandungi “padi”.

Perkataan	Maksud (KD4, 2005)
bungalah	bahagian tumbuh-tumbuhan yg biasanya berwarna-warni
padi	sejenis tumbuhan (rumput yg buahnya dijadikan beras)
bungalah	bahagian tumbuh-tumbuhan yg biasanya berwarna-warni
padi	sejenis tumbuhan (rumput yg buahnya dijadikan beras)
bunga	bahagian tumbuh-tumbuhan yg biasanya berwarna-warni
kiambang	sejenis tumbuhan yg terapung-apung di air,

Secara harfiahnya, frasa “bungalah padi” merujuk kepada proses padi yang sedang mekar atau matang, yang menggambarkan keindahan serta hasil pertanian. Padi yang mengembang menjadi simbol kesuburan dan kemakmuran, mencerminkan usaha dan kerja keras petani. Sementara itu, “bunga kiambang” merujuk kepada bunga kiambang, sejenis tumbuhan air yang memperlihatkan kecantikan tersendiri. Dalam konteks ayat ini, turut tergambar elemen keindahan alam semula jadi yang menyegarkan. Secara keseluruhan, ayat ini secara tidak langsung menggambarkan suasana yang indah dan subur serta turut mengaitkan pertanian dengan keindahan alam. Ia mencerminkan tema tentang hasil dan

keindahan yang dapat ditemukan dalam kehidupan, menggambarkan hubungan harmonis antara manusia dan alam.

## Analisis Tahap 2

Lagu klasik “Pantun Budi” pernah dipopularkan oleh Allayarham Tan Sri SM Salim dalam arena muzik tanah air. Lirik lagu ini terdiri daripada pantun Melayu dan mempunyai sebanyak lapan rangkap pantun. Rangkap pantun yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah rangkap pantun yang ketujuh, iaitu:

Bungalah padi bungalah **padi** bunga kiambang,  
Buat hiasan aduhai sayang buat hiasan di taman bunga,  
Buahlah hati buahlah hati kekasih orang,  
Hamba menumpang aduhai sayang hamba menumpang gembira sahaja.

Pantun ini terdiri daripada dua bait yang mengandungi pembayang dan maksud yang mendalam. Dalam bait pertama, frasa “bungalah padi” dan “bunga kiambang” berfungsi sebagai pembayang yang menggambarkan keindahan alam semula jadi. Padi yang mekar melambangkan hasil dan kesuburan, manakala bunga kiambang menambah elemen kecantikan dan kesegaran. Ini menciptakan suasana ceria di taman, yang mana keindahan alam dapat dinikmati bersama orang tersayang. Maksud yang lebih mendalam mencerminkan rasa kasih sayang dan keinginan untuk menghias kehidupan dengan keindahan, menjadikan setiap detik bersama orang tercinta lebih berharga.

Bait kedua pula dilihat ke arah tema yang lebih emosional. Frasa “buahlah hati” merujuk kepada perasaan cinta dan harapan untuk mendapatkan kasih sayang dari kekasih. Namun, terdapat nuansa kesedihan, kerana penyair merasakan bahawa cintanya hanyalah sementara atau “menumpang”. Maksud di sini menunjukkan kerinduan dan keinginan untuk dicintai, walaupun menyedari bahawa cinta tersebut mungkin tidak sepenuhnya miliknya. Ini mencerminkan kompleksiti emosi dalam hubungan, yang mana kebahagiaan disertai dengan kesedihan kerana tidak dapat memiliki sepenuhnya. Secara keseluruhan, pantun ini menggambarkan realiti dalam kehidupan, iaitu keindahan, kesedihan, cinta dan kerinduan. Melalui pembayangnya juga, penulis berjaya menyampaikan perasaan mendalam tentang cinta dan harapan, sekali gus menonjolkan keindahan alam yang menjadi latar belakang dalam perjalanan emosi tersebut.

### **Analisis Tahap 3**

Leksikal “padi” dalam lagu Pantun Budi menggambarkan makna simbolik yang mendalam bagi masyarakat Melayu. Padi yang menjadi sumber makanan utama dalam bentuk nasi, merupakan keperluan penting bagi kehidupan harian masyarakat Melayu sejak dahulu. Lagu ini menyebut dua jenis bunga, iaitu bunga padi dan bunga kiambang, yang memberikan perbandingan simbolik. Bunga padi, walaupun berbentuk panjang, runcing, dan tidak menarik secara luaran, memiliki manfaat besar. Sebaliknya, bunga Kiambang, dengan kelopak cantik dan warna hijau, kelihatan lebih menarik. Perbandingan ini menunjukkan bahawa walaupun bunga Padi tidak menonjol dari segi rupa, ia lebih berharga kerana kegunaannya yang penting, berbeza dengan bunga Kiambang yang lebih hiasan.

Leksikal “padi” dalam lirik lagu menggambarkan kemiskinan melalui perbandingan antara bunga Padi dan bunga Kiambang. Bunga padi, yang tumbuh di kawasan berlumpur dan tidak menarik secara rupa, melambangkan keadaan orang miskin yang kelihatan kotor dan lusuh. Petani pada zaman dahulu, yang bekerja keras tanpa teknologi canggih, seringkali terdedah kepada keadaan berlumpur, mencerminkan kehidupan yang sukar. Sebaliknya, bunga kiambang, yang mekar cantik di kolam jernih dan digunakan sebagai hiasan, melambangkan kemewahan dan status orang kaya. Perbandingan ini menekankan kontras antara kemiskinan dan kekayaan.

Lirik lagu Pantun Budi menggunakan simbolisme bunga padi dan kiambang untuk menggambarkan perbezaan darjah dan keadaan hidup. Bunga padi, yang tumbuh di sawah berlumpur, melambangkan kemiskinan dan kesusahan kerana bentuknya yang runcing dan ditanam di tanah berair dianggap tidak menarik dan kotor, melambangkan keadaan petani yang berpenampilan lusuh. Sebaliknya, bunga kiambang, dengan kelopaknya yang cantik dan terapung di kolam air jernih, melambangkan kemewahan dan kehidupan yang lebih baik.

Lirik “Buahlah hati kekasih orang, hamba menumpang gembira sahaja” menggambarkan seseorang yang menyukai kekasih orang lain, tetapi memilih untuk mengundur diri kerana menyedari kekurangan dirinya. Leksikal “padi” dalam lirik ini digunakan oleh penulis untuk melambangkan kemiskinan diri, manakala bunga kiambang mewakili kekasih yang lebih sempurna dan berada dalam kedudukan yang lebih baik. Perbezaan darjah antara individu menyebabkan penulis memilih untuk hanya menumpang gembira daripada cuba memiliki kekasih tersebut.

Selain itu, frasa “Bungalah padi bungalah padi bunga kiambang” turut melambangkan keindahan dan kesuburan alam semula jadi. Dalam konteks ini, “padi” yang mekar mencerminkan hasil usaha dan kerja keras, manakala “bunga

kiambang" menandakan keindahan dan keunikan yang ada dalam kehidupan. Ini juga menunjukkan bahawa dalam setiap usaha, pasti ada ganjaran yang dapat dinikmati. Penekanan pada keindahan taman bunga menggambarkan bahawa hasil yang diperoleh bukan sekadar untuk kepentingan diri tetapi juga untuk dikongsi dan dinikmati bersama orang lain.

Dalam baris seterusnya, "Buat hiasan aduhai sayang buat hiasan di taman bunga", terdapat nuansa kasih sayang dan kepentingan hubungan sosial. Hiasan dalam taman bukan sahaja memberikan keindahan visual, tetapi juga simbolik kepada hubungan antara individu. Dengan menghias taman, ia seolah-olah menggambarkan usaha untuk memelihara hubungan yang bermakna, yang mana kasih sayang dan perhatian perlu diberikan kepada orang yang kita sayangi. Keseluruhan frasa ini menekankan bahawa kehidupan adalah sebuah perjalanan yang indah, yang mana kita perlu menghargai hasil usaha kita dan menjaga hubungan dengan orang lain.

Akhirnya, akal budi di sebalik frasa ini dapat dilihat sebagai satu pengajaran tentang kehidupan. Ia mengingatkan kita bahawa setiap detik usaha kita perlu dihargai, dan hasil yang diperoleh perlu dikongsi untuk mengukuhkan ikatan kasih sayang. Dalam konteks yang lebih luas, ia juga mencerminkan bahawa kita harus menjaga keseimbangan antara mencapai kejayaan peribadi dan menjaga hubungan sosial yang positif. Dengan itu, kehidupan kita akan lebih bermakna dan penuh dengan kebahagiaan.

## KESIMPULAN

Kajian ini meneliti akal budi dan falsafah Melayu yang tersirat dalam lirik lagu Melayu klasik yang menggunakan 'padi' sebagai objek. Dengan mengenal pasti leksikal 'padi' dalam lirik lagu dan menapis bait-bait yang relevan, pengkaji memilih dan menganalisis empat lagu Melayu klasik menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Hasil analisis menunjukkan bahawa padi bukan hanya sumber makanan utama tetapi juga merupakan simbol penting dalam budaya Melayu seperti menggambarkan nilai-nilai menghargai masa, menjaga hubungan dan realiti kehidupan petani. Sebagai contoh, lagu "Gurindam Jiwa" padi melambangkan kepentingan bertindak tepat pada waktu, manakala "Pantun Budi" menggunakan padi untuk menggambarkan kemiskinan dan perbezaan sosial. Tuntasnya, dengan penciptaan lagu ini, cara orang Melayu zaman dahulu berfikir itu akan terserlah melalui penulisan lirik yang puitis dan mempunyai makna yang tersurat dan tersirat. Kajian ini menunjukkan bagaimana masyarakat Melayu dahulu menggunakan simbolisme padi untuk menyampaikan nasihat dan falsafah hidup mereka. Oleh itu, analisis lirik lagu Melayu klasik

menggunakan pendekatan Semantik Inkuisitif dapat mencungkil makna mendalam dan menerokai akal budi Melayu yang kaya dengan nilai budaya dan intelektual. Lagu-lagu Melayu klasik ini perlu diteruskan legasinya agar pesanan-pesanan seperti nasihat, pengajaran, suruhan, dan larangan itu dapat disampaikan kepada semua lapisan masyarakat.

## RUJUKAN

- Adnan, T. S. N. S. T., & Yaacob, M. F. C. (2023). Akal Budi Orang Melayu menerusi cerita-cerita rakyat: The common sense of the Malays through folk stories. *PENDETA*, 14(2), 56–70.  
<https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/6115>
- Alvinia, N. (n.d.). Pesan islami pantun pada seni dendang pernikahan suku Serawai di Desa Padang Lebar Kecamatan Pino Kabupaten Bengkulu Selatan [Doctoral dissertation, UIN Fatmawati Sukarno Bengkulu].  
<http://repository.iainbengkulu.ac.id/id/eprint/8969>
- Amran, E. A. S. B. (2020). Leksikal ‘ayam’ dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik. *Inkuisitif*. <https://www.researchgate.net/publication/364957204>
- Azni, Z., & Mahmud, W. A. W. (2020). Representasi sosial masyarakat dalam lirik lagu Aman RA. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1–14.  
<http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/315>
- Borges, J. A. R., Foletto, L., & Xavier, V. T. (2015). An interdisciplinary framework to study farmers’ decisions on adoption of innovation: Insights from expected utility theory and theory of planned behavior. *African Journal of Agricultural Research*, 10(29), 2814–2825.
- Eliastuti, M., Ayu, N. V. W., Putri, U. A., Candra, H. M., & Sibarani, F. P. A. (2023). Analisis gaya bahasa dalam lirik album lagu Nadin Amizah “Kalah Bertaruh”: Kajian hermeneutika. *Jurnal Ilmu Komunikasi dan Media Sosial (JKOMDIS)*, 3(2), 345–350.  
<http://jurnal.minartis.com/index.php/jkomdis/article/view/660>
- Estrada, P., & Marianti, L. (2023). Analisis semiotika makna kasih sayang pada lirik lagu “Ayah” karya Rinto Harahap. *Jurnal Ilmu Sosial, Humaniora dan Seni*, 1(4), 887–893.  
<http://jurnal.minartis.com/index.php/jishs/article/view/1090>

- Fadhila, A. Z. (2020). Analisis afiksasi dalam album “Dekade” lagu Afgan. *Jurnal Ilmiah Langue and Parole*, 4(1), 11–18. <https://e-journal.sastrunes.com/index.php/JILP/article/view/441>
- Hamid, A. (2010). Piama dan petua tradisi: Ilmu menanam padi masyarakat Melayu di utara Semenanjung Malaysia. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 28(2), 211–233. <https://e-journal.kemensos.go.id/index.php/Sosioinforma/article/view/2419>
- Hardianti, V., Muzammil, A., & Syahrani, A. (n.d.). Bahasa Melayu dialek Sanggau. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa (JPPK)*, 8(10). <https://jurnal.untan.ac.id/index.php/jpdpb/article/view/36267>
- Harun, H. A., & Sulong, M. A. (2022). Perjuangan hidup Melayu dalam karya M. Nasir: The Malay’s life struggle in the works of M. Nasir. *PENDETA*, 13(2), 1–16. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/7420/4145>
- Mamat, S., Kamaruddin, A. Y., Al-Fatah, S. N. K. M., & Manggang, M. C. F. A. (2021). Permasalahan, cabaran dan amalan pengajaran guru dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) penulisan karangan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 7, 1–10. [http://www.injet.upm.edu.my/images/volume/isukhas7okt\\_2021/](http://www.injet.upm.edu.my/images/volume/isukhas7okt_2021/)
- Mat, S. H. C., Sathiman, S., & Hamid, F. (2020). Pendapatan bukan padi bantu pesawah keluar daripada kemiskinan lebih cepat. *Journal of Economics and Sustainability*, 2(2), 13. <http://e-journal.uum.edu.my/index.php/jes/article/view/12559>
- Muhammad Nor Sahfiq, & Julaina Nopiah. (2020). Peribahasa Melayu berunsurkan burung: Satu analisis semantik inkuisitif. *International Young Scholars Journal of Languages*.
- Muhi, A. P. A. (2018). Akal budi dalam peribahasa Melayu Sarawak: Akal budi in Sarawak Malay proverbs. *Jurnal Peradaban Melayu*, 13, 28–41. <http://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPM/article/view/2358>
- Octaviani, S., & Nurfauziah, N. (2023). Menelaah makna tersembunyi dalam lirik lagu “Istirahat” Nosstress. *Jurnal Riset Rumpun Ilmu Bahasa*, 2(1), 146–157. <https://prin.or.id/index.php/JURRIBAH/article/view/1152>

Pemutuan PADI Pusat Penyelidikan PADI & Beras (RI), MARDI. (n.d.).

[https://mardisplash.mardi.gov.my/article\\_read.php?a=118](https://mardisplash.mardi.gov.my/article_read.php?a=118)

Rosli, N. Z., Rusli, N. F. M., Jobar, N. A., & Zakaria, N. (2021). Kemahiran bertutur Bahasa Melayu oleh murid Cina: Teori analisis kontrastif. *LSP International Journal*, 8(1), 35–55.

<https://journals.utm.my/lsp/article/view/16906>

Saifullah Ahmad. (2020, November 24). 125 hektar kawasan padi musnah ditenggelami banjir. *Sinar Harian*.

<https://www.sinarharian.com.my/article/111658/EDISI/Perak/>

Shabri, M. N. A. M., Ibrahim, M. H., Isa, N. K. M., Hashim, M. H., Ismail, M. I. M., Ali, S. S. S., & Saputra, A. (2021). Penelitian awal pengaruh variabiliti iklim terhadap hasil padi di Perlis, Malaysia. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 5(2).

<https://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/174>

Suryaningsih, L. (2021). Analisis penggunaan gaya bahasa sarkasme pada lirik lagu Mbojo. *Ainara Jurnal (Jurnal Penelitian dan PKM Bidang Ilmu Pendidikan)*, 2(3), 274–280.

<http://journal.ainarapress.org/index.php/ainj/article/view/92>

Wati, D. F., & Ardelia, V. (2023). “Gawai Dayak”: Tradisi setelah masa panen sebagai wujud pluralisme dalam masyarakat di Bumi Sebaloh.

*Innovative: Journal of Social Science Research*, 3(5), 3141–3154.

<http://j-innovative.org/index.php/Innovative/article/view/5125>